

Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang

- 1. SS Prof Madya Dr. Mohd Sukki bin Othman**
(Pengerusi)
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab**
(Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Scam: Beringat Sebelum Kena

23 Ogos 2024M/ 18 Safar 1446H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾ سورة الحجرات

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Di kesempatan yang penuh kemuliaan ini, khatib berpesan kepada diri sendiri serta para jemaah sekalian, bertakwalah sekalian kamu kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan sebenar-benar takwa. Moga-moga rahmat dan kebaikan daripada-Nya akan sentiasa memayungi kehidupan kita di dunia yang sementara ini.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia. Sesuai dengan realiti dalam masyarakat kita pada masa kini, mimbar pada hari ini akan



membicarakan khutbah yang bertajuk “**Scam: Beringat Sebelum Kena.**”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sekarang ini fitnah dan tuduhan palsu berlaku berleluasa. Oleh itu kita sebagai umat Islam hendaklah mengambil sikap yang disebut sebagai tabaiyyun (تَبَيُّن).

Tabayyun merupakan perkataan Bahasa Arab yang bermaksud mencari dan menyemak asas kebenaran terhadap sesuatu perkara yang berlaku. Setiap berita atau maklumat yang diterima hendaklah diteliti dan dipastikan terlebih dahulu kebenarannya. Hal ini perlu dilaksanakan bagi mengelakkan daripada wujudnya sebarang prasangka dan berlakunya perkara yang tidak baik seperti menipu, memfitnah, membenci dan memburukkan seseorang. Perintah untuk melakukan *tabayyun* merupakan perintah Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** sebagaimana firman-Nya yang dibacakan di awal khutbah tadi yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Manusia pada zaman ini, lebih bayak menggunakan jaringan perhubungan di alam maya berbanding dengan hubungan secara lisan. Hal ini telah menyebabkan banyak berita dan maklumat palsu yang



tersebar luas di dalam masyarakat. Bahkan ada di kalangan mereka yang mengambil kesempatan dengan melakukan penipuan di alam maya dan telah berjaya mengaut keuntungan melalui jalan yang haram.

Allah memerintahkan setiap manusia agar mencari dan memperolehi harta dengan cara yang halal dan bukannya melalui cara yang haram dan batil. Namun begitu pada hari ini, kegiatan penipuan di alam maya telah banyak berlaku dan ia sudah pasti melibatkan pengambilan harta orang lain secara batil. Mereka berjaya menipu dan memperdaya masyarakat, tanpa mengambil kira latar belakang atau siapa bakal mangsa mereka.

Berdasarkan statistik, jumlah kes penipuan dalam talian yang dilaporkan di seluruh negara bagi tahun 2020 hingga 2023 adalah sebanyak 107,716 kes yang melibatkan kerugian mencecah RM3.2 bilion ringgit.

Kes melibatkan penipuan di alam maya ini semakin meningkat di seluruh negara. Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengenal pasti beberapa kaedah dan modus operandi yang digunakan melalui internet dan media sosial. Antaranya adalah *Phone Scam*, *Love Scam*, jenayah e-Dagang, aplikasi tidak sah, pelaburan atau pinjaman tidak wujud, penyamaran sebagai pihak berkuasa seperti pegawai polis, wakil mahkamah, pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri, pegawai bank dan sebagainya.

Penipuan tersebut adalah melalui pelbagai kaedah dan cara termasuk ugutan dengan tujuan bagi menakut-nakutkan mangsa agar mereka terpedaya sehingga membuat pembayaran atau pindahan dana serta mendedahkan maklumat peribadi termasuk kata laluan akaun

peribadi dan data perbankan. Akhirnya, puluhan ribu wang simpanan mangsa yang disimpan telah berjaya diambil dengan cara yang salah.

Ada juga masyarakat yang ingin mencari pendapatan lebih, terpedaya dengan habuan kewangan yang ditawarkan. Tanpa disedari mereka telah dipergunakan oleh penjenayah sebagai akaun keldai atau akaun tumpang. Sebagai pemilik akaun, mereka akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya ke atas transaksi kewangan yang tidak sah dan menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh penjenayah. Walaupun kita sekadar memberi pinjaman akaun sebagai akaun keldai atau akaun tumpang, hakikatnya tanpa kita sedari kita telah bersubahat dalam membantu penipu untuk memperoleh harta secara haram.

Ingatlah larangan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* berkaitan dengan dosa besar ini.

Di dalam Al-Quran Allah berfirman dalam surah an-Nisa' ayat 29:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَن

تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

Maksudnya: *“Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu di antara kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan (jalan) perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka, di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihimu.”*

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,



Sebagai kesimpulan khutbah kita pada hari ini, mimbar ingin berpesan dan mengingatkan kepada semua agar kita memelihara diri daripada menjadi mangsa atau terlibat secara langsung ataupun tidak dengan jenayah ini. Antara langkah-langkah keselamatan yang boleh diambil antaranya:

Pertama: Semak dan rujuk kepada pihak berkuasa dan jabatan yang berkaitan untuk pengesahan tentang sesuatu perkara. Janganlah dilayan sebarang panggilan telefon daripada pihak yang tidak dikenali, segera putus panggilan jika berasa curiga atau takut.

Kedua: Bagi mereka yang menggunakan telefon pintar, elakkan daripada menekan sebarang pautan yang diterima daripada pihak yang tidak dikenali atau memuat turun sebarang pautan yang meragukan untuk mengelakkan daripada terdedahnya maklumat peribadi kita.

Ketiga: Ahli keluarga, khususnya anak-anak yang telah dewasa, perlulah sentiasa memantau dan mengingatkan kepada kedua orang tua mereka yang sudah lanjut usia tentang penipuan di alam maya ini. Dapatkan panduan pelbagai pihak termasuk ahli keluarga sebelum melakukan pindahan wang dengan jumlah yang besar dan mencurigakan.

Bagi mereka yang terlibat dengan jenayah penipuan ini pula, ingatlah bahawa setiap perlakuan dan perbuatan yang dilakukan itu akan dihisab oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Kenikmatan dunia yang sementara dalam bentuk harta dan wang ringgit yang diperoleh dengan cara yang haram itu tidak akan bertahan lama kerana telah hilang keberkatannya.

Ingatlah, mereka yang mengumpulkan harta dengan cara yang tidak halal akan tersungkur ke lembah kehinaan di penghujung hayatnya.



Di akhirat kelak akan diazab dan disiksa oleh Allah dengan siksaan yang tidak terperi sakitnya.

Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 188:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ
أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2024M/ 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿الأحزاب: 56﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.



اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُؤَسَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Khadijah Mohd Noor.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالرَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang
istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat
melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf
Pulau Pinang.*

*Ya Allah! Jadikanlah kerja-kerja agihan zakat di Pulau Pinang ini
sebagai suatu usaha yang berkesan bagi membela golongan asnaf
sasaran. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian,
serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam*



Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥٢﴾

